



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor-Kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dalam Gred, Kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut :-

NO TENDER	TAJUK TENDER	Taraf/ Jenis Syarikat*	Gred, Kategori & Pengkhususan/ Kelas, Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub-Kepala	Tempat Dan Tarikh Dokumen Mula Dijual	Harga Dokumen Dan Bayaran Atas Nama	Tarikh, Waktu dan Tempat Taklimat Tender	Tempat, Tarikh Dan Waktu Tender Tutup
KDN/PB/T/04/2021	CADANGAN MENYIAPKAN BAKI KERJA BAGI PEMBINAAN POS KAWALAN & KUARTERS IMIGRESEN BA'KELALAN SARAWAK	Bumiputera T1	Mempunyai Sijil Kontraktor Penyiap Kementerian Kerja Raya (KKR) Serta berdaftar di Sarawak dan pendaftaran seperti berikut: i) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB); Gred : G7 Kategori : B Pengkhususan: B04 Dan ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) Atau Unit Pendaftaran Kontraktor Negeri Sarawak (UPKJ); Kelas A Kepala I Sub Head I & Kepala II, Sub Head 2a Dan iii) Sijil Taraf Bumiputera (STB).	Jabatan Imigresen Malaysia Sarawak Tingkat 2, Bangunan Sultan Iskandar Jalan Simpang Tiga 93550 Kuching Sarawak 1 September 2021 (Rabu) hingga 7 September 2021 (Selasa)	RM250.00 (Tidak akan Dikembalikan) Di atas nama : PENGARAH IMIGRESEN NEGERI SARAWAK Dalam Bentuk Draf Bank atau Kiriman Wang Sahaja (Bayaran Dalam Bentuk Tunai atau Wang Pos Tidak Diterima)	1 September 2021 (Rabu) WAKTU PENDAFTARAN Jam : 9.30 - 10.30 pagi (Sebarang kelewatan tidak diterima) Taklimat tender : DIWAJIBKAN Lawatan tapak : TIDAK DIWAJIBKAN TETAPI DIGALAKKAN Kontraktor yang berhasrat menyertai tender ini hendaklah mendaftar pada Borang Saringan Wajib di pautan https://forms.gle/tDRdCfFzNDw18FdQ6 bermula dari 24 Ogos 2021 hingga 26 Ogos 2021 jam 4.30 petang. Hanya kontraktor yang lulus saringan akan dijemput menyertai sesi taklimat.	Peti Tender Bahagian Pembangunan, Kementerian Dalam Negeri, Aras 2, Blok D1, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan, 62546 Putrajaya 21 September 2021 (Selasa) Sebelum atau pada jam 12.00 tengahari

Lawatan Tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN TETAPI DIGALAKKAN** atas tanggungjawab sendiri dengan mematuhi arahan yang ditetapkan oleh MKN dan KKM. Taklimat tender adalah **DIWAJIBKAN** dan Petender hendaklah mendaftar pada Borang Saringan Wajib di pautan <https://forms.gle/tDRdCfFzNDw18FdQ6> bermula dari 24 Ogos 2021 (Selasa) hingga 26 Ogos 2021 (Khamis). Hanya Pegawai Syarikat yang ditauliahkan di atas Sijil SPKK/UPKJ sahaja dibenarkan membuat pendaftaran dengan menggunakan emel rasmi syarikat masing-masing.

KONTRAKTOR ATAU WAKIL KONTRAKTOR YANG SAH HENDAKLAH SENTIASA MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN WABAK COVID-19 DENGAN MEMATUHI ARAHAN-ARAHAN YANG DIKELUARKAN OLEH MKN DAN KKM DARI SEMASA KE SEMASA.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi di pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Bagi tujuan **PEMBELIAN DOKUMEN TENDER**, bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank/kiriman wang di atas nama **PENGARAH IMIGRESEN NEGERI SARAWAK**. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil Kontraktor dikehendaki membawa perakuan/sijil **ASAL** Sijil Kontraktor Penyiap oleh Kementerian Kerja Raya (KKR), Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia atau Sijil Pendaftaran UPKJ beserta satu **SALINAN** sijil- sijil tersebut.

* Jenis Syarikat Tempatan : T1 - Syarikat yang 100% milik tempatan

A1 - Syarikat 100% milik tempatan ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah 100% warganegara.

A2 - Syarikat 100% milik tempatan ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL ATAU Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.